

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)

Website: www.upp.org.uk  
Email: admin@upp.org.uk



اوپيټ فنونټ وٽز بروني

**BRUNEI STUDENTS UNIT**  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
35 - 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

**SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT  
BIL.14/2020**

**KEPADA: SEMUA PELAJAR PERSENDIRIAN, PELAJAR PENERIMA BIASISWA  
KERAJAAN & SBPP YANG BERADA DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND**

**PERMAKLUMAN MENGENAI PERMOHONAN UNTUK BALIK BERCUTI KE NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

Dengan ini sukacita dimaklumkan kepada semua pelajar yang membuat permohonan untuk bercuti balik ke Negara Brunei Darussalam semasa pandemik COVID-19 hendaklah:

1. memaklumkan kepada Unit Penuntut-Penuntut melalui emel [welfare@upp.org.uk](mailto:welfare@upp.org.uk) dan Cc kepada [wo@upp.org.uk](mailto:wo@upp.org.uk). mengenai tarikh perjalanan.
2. melampirkan dokumen dari universiti masing-masing mengenai dengan permakluman penutupan universiti dan pembelajaran secara talian serta nasihat untuk pulang ke negara masing-masing
3. melampirkan itinerari penerbangan.

Jika pelajar gagal untuk menyertakan dokumen dari universiti, maka pelajar hendaklah menulis surat melalui emel [ds@upp.org.uk](mailto:ds@upp.org.uk) untuk bertanggung jawab sekiranya pihak universiti mengambil tindakan yang berkaitan dengan hal-ehwal akademik pelajar, sekiranya pelajar gagal untuk pulang semula ke United Kingdom atau Ireland.

Setibanya sahaja di Negara Brunei Darussalam, para pelajar adalah dinasihatkan untuk mematuhi arahan pihak Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada arahan daripada Kerajaan United Kingdom.

Didoakan semoga semua pelajar sentiasa dalam lindungan Allah s.w.t dan dihindarkan dari musibah penyakit ini.

Sekian disampaikan.

*"Jimat Air Amalan Mulia"*

Wassalam

**PG ALI SHAFIE BIN PG HJ ABAS**  
Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XV  
Tarikh : 21 Rejab 1441H /16 Mac 2020M  
[wo/welfare20](mailto:wo/welfare20)